

Persetaraan Peserta Program Pembelajaran Sepanjang Hayat Menggunakan Formula *Full Time Equivalent Students* dalam Meningkatkan Enrolmen Pelajar

Intan Shazila Samsudin
Kolej Komuniti Selandar
intanshazila@gmail.com

Baharudin Osman
Kolej Komuniti Selandar
baharudin@kksl.edu.my

Muhammad Helmi Abu Bakar
Kolej Komuniti Segamat 2
dr.mie07@gmail.com

Sharifah Nadiyah Razali
Kolej Komuniti Selandar
sharifahnadiyah@gmail.com

Abstract

Currently, Malaysia has more than 600 higher education institutes that offers hundreds of courses for secondary school leavers. This scenario however, has led to issues such as competition on student's enrollment. Since its establishment in 2001, aside from full-time program for SPM leavers, Community College has also offers short courses under Lifelong Learning Department. Selandar Community College has been facing an enrollment issues since its operation 15 years ago. Qualitative approach through document analysis which focuses on secondary data is being used in this study. KKSL 2017's enrollment data and short courses data are being analyze descriptively using Full Time Equivalent Students (FTES) formula. The purpose of this study is to identify how far the equivalent value of the short courses participants helps in increasing the full-time student's enrollment at KKSL. Result of the calculation using the FTES formula shows that the equivalent value obtained is 24 students. Without the equivalent value, the percentage of KKSL student's enrollment was at 80%, which has not reached targeted KPI being set by JPPKK. However, after adding up the equivalent value, the total percentage has increase to 80.83% which accomplishes the targeted KPI. In conclusion, the implementation of FTES formula to calculate the equivalent value of short courses participants can assist in achieving full-time student's enrollment at KKSL. The result of this study provide opportunities for KKSL's management to plan and implement a more systematic short courses in order to help achieve targeted KPI in full-time student's enrollment.

Keywords: *full time equivalent students (FTES), student's enrollment, lifelong learning program.*

Abstrak

Kewujudan pelbagai Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) telah memberi peluang kepada pelajar lepasan SPM melanjutkan pengajian. Namun, ia telah mewujudkan persaingan dari segi pengambilan pelajar. Selain program sepenuh masa, Kursus Pendek juga ditawarkan dibawah Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). Walaupun telah 15 tahun beroperasi, Kolej Komuniti Selandar (KKSL) masih menghadapi masalah enrolmen pelajar yang rendah. Pendekatan kualitatif secara analisis dokumen digunakan dan berfokus kepada data sekunder berkaitan KKSL sahaja. Data enrolmen pelajar dari Unit Pengambilan dan data Kursus Pendek dari Unit PSH KKSL bagi tahun 2017 dianalisa secara deskriptif

menggunakan formula pengiraan *Full Time Equivalent Students* (FTES). Ia bertujuan untuk melihat sejauhmana persetaraan pelaksanaan kursus pendek PSH dapat membantu meningkatkan enrolmen pelajar KKSL. Hasil pengiraan formula FTES, nilai persetaraan yang diperolehi ialah 24 pelajar. Tanpa nilai persetaraan peserta PSH, peratus enrolmen pelajar tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan iaitu (80%). Selepas menambah nilai persetaraan peserta PSH yang diperolehi, peratus enrolmen pelajar dapat mencapai sasaran yang ditetapkan (80.83%). Kesimpulannya, pelaksanaan pengiraan FTES di Kolej Komuniti dapat membantu dalam mencapai enrolmen pelajar program sepenuh masa di KKSL. Hasil kajian ini dapat memberi peluang kepada pengurusan KKSL untuk membuat perancangan dan pelaksanaan Kursus Pendek yang lebih sistematik.

Kata kunci: *full time equivalent students* (FTES), enrolmen pelajar, program pembelajaran sepanjang hayat (PSH).

1.0 Pengenalan

Pendidikan tinggi semakin berkembang pesat di Malaysia. Sehingga kini, terdapat 20 Universiti Awam, 37 universiti swasta, 20 kolej universiti, 418 kolej dan 7 kampus cawangan luar negara di Malaysia. Selain itu, terdapat 33 Politeknik dan 94 Kolej Komuniti yang turut menawarkan program-program pendidikan tinggi. Ditambah pula kini terdapat Kolej Vokasional yang turut mengambil pelajar sepenuh masa mereka seawal lepasan PT3. Kewujudan pelbagai institusi pendidikan tinggi (IPT) telah memberi peluang kepada pelajar lepasan SPM khususnya melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Disebabkan persaingan yang hebat dikalangan IPT, maka pelbagai bentuk insentif ditawarkan bagi menarik pelajar menyambung pengajian di institusi masing-masing.

Bagi Kolej Komuniti (KK), persaingan dari segi pengambilan pelajar adalah dari kalangan institusi seperti Politeknik, Kolej Vokasional, IKBN, Giat Mara, ILP dan ADTEC. Ini kerana institusi-institusi ini turut menawarkan pengajian teknik dan vokasional kepada pelajar-pelajar dengan pelbagai insentif yang menarik. Oleh yang demikian, masalah yang seringkali timbul ialah kurangnya enrolmen di Kolej Komuniti disebabkan banyaknya persaingan dan tawaran yang lebih menarik dari institusi yang lain. Kajian oleh (Mohd & Mohd, 2017) menyatakan pemberian sara hidup, laptop percuma, pinjaman, kemudahan asrama yang disediakan merupakan antara faktor pelajar memilih untuk sambung belajar di IPT lain yang menyebabkan usaha untuk meningkatkan enrolmen program Sijil Teknologi Pembuatan di Kolej Komuniti Segamat semakin mencabar.

Full Time Equivalent Students (FTES) merupakan satu kaedah pengiraan yang boleh disetarakan dengan jumlah pelajar sepenuh masa. Formula atau kaedah ini tertakluk kepada sesebuah institusi dan ia tidak semestinya sama di antara sesebuah institusi dengan institusi yang lain. Teresa Scott (2017), menyatakan bahawa FTES boleh dijana daripada 5 formula yang berbeza iaitu i) bancian minggu ii) kehadiran positif iii) bancian harian iv) pengalaman belajar/bekerja sendiri dan v) pembelajaran jarak jauh/pembelajaran atas talian. Sebagai contoh pengiraan satu FTES berdasarkan ii) kehadiran positif di Yosemite Community College ditakrifkan sebagai jumlah jam keseluruhan pelajar hadir dalam sesuatu program dengan 3 jam setiap kelas dan 175 hari dalam setahun kalendar akademik bersamaan dengan 525 jam terkumpul. Formula ini adalah berdasarkan

persetaraan pelajar sepenuh masa yang perlu menghadiri sebanyak 525 jam terkumpul dengan 15 jam seminggu selama 35 minggu dalam kalendar akademik. Nilai setaraan ini boleh digunakan untuk tujuan membantu enrolmen di samping juga sesuai untuk permohonan reten perjawatan dan bajet tahunan seperti yang dilakukan oleh KK di Amerika Syarikat.

1.1 Penyataan masalah

Bermula penubuhannya pada 2003 sehingga kini, Kolej Komuniti Selandar (KKSL) telah menawarkan sebanyak empat (4) kursus sepenuh masa dengan norma pelajar yang telah ditetapkan sebanyak 360 orang setahun. Namun berdasarkan rekod yang diperolehi dari Unit Pengambilan, KKSL mendapati enrolmen pelajar adalah rendah dibawah paras norma yang ditetapkan oleh JPPKK (M. Noor fathoni, Shaliza Amira, & Sharifah Nadiyah, 2017; Shaliza Amira, 2017). Masalah enrolmen yang rendah bukan sahaja berlaku di KKSL malah di kebanyakan Kolej Komuniti seluruh Malaysia (Mohamad, S.N.M, Irman, F.K dan Haslizawati, 2012). Bagi mengatasi masalah ini, pelaksanaan pengambilan tiga (3) kali setahun diperkenalkan sejak 2013 namun telah diimplementasi di KKSL sejak ambilan Mac 2014. Berdasarkan kajian (M. Noor fathoni et al., 2017) terhadap implikasi pelaksanaan pengambilan 3 kali setahun menunjukkan berlakunya peningkatan enrolmen pelajar, namun jumlah enrolmen tahunan masih tidak mencapai 80% dari jumlah yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Pada tahun 2017, jumlah enrolmen pelajar di KKSL adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 berikut :

Jadual 1: Enrolmen pelajar bagi pengambilan tahun 2017

Perkara	Pengambilan Mac	Pengambilan Julai	Pengambilan November	Jumlah keseluruhan
Jumlah enrolmen pelajar	72	182	17	267
Peratus	60.00%	151.67%	14.17%	74.17%

*Sumber : Unit Pengambilan KKSL, 2017

Kini KK telah kembali kepada pendekatan pengambilan 2 kali setahun, KKSL melihat permasalahan kepada enrolmen pelajar sebagai sesuatu yang serius dan perlukan penyelesaian yang boleh membantu meningkatkan enrolmen pelajar. Melihatkan kepada corak enrolmen pelajar yang sentiasa di bawah paras norma yang ditetapkan JPPKK, pengiraan persetaraan peserta kursus pendek di bawah Unit Pendidikan Sepanjang Hayat, KKSL dicadangkan untuk membantu enrolmen pelajar program sepenuh masa ini.

1.2 Objektif kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana persetaraan pelaksanaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dapat membantu meningkatkan enrolmen tahunan KKSL. Objektif berikut telah dibangunkan bagi mencapai matlamat kajian:

- i. Membuat persetaraan peserta yang diperolehi dari pelaksanaan program PSH bagi tahun 2017 dengan menggunakan formula pengiraan FTES.
- ii. Melihat impak persetaraan melalui nilai FTES yang diperolehi dalam membantu enrolmen tahunan KKSL.


2.0 Kajian literatur

2.1 Enrolmen pelajar Kolej Komuniti

Kolej Komuniti (KK) merupakan institusi yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran pada semua peringkat umur serta memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum masuk ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi (Jasli & Siti, 2014). Pendidikan teknikal dan latihan vokasional adalah selari dengan hasrat kerajaan untuk membentuk Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi.

Sepanjang penubuhannya, KK telah menawarkan 5 mod pengajian selain kursus pendek, iaitu (i) pengajian sepenuh masa (2003 – 2010); (ii) Sijil Modular Kebangsaan (SMK) (2009 – kini); (iii) Sijil Kolej Komuniti Bermodular Kemahiran Khas ; (iv) Sijil Kolej Komuniti Bermodular dan (v) Sijil Kolej Komuniti Berterusan (SKK(T)(2012 - kini). Penawaran pelbagai mod pengajian ini adalah untuk memberi pilihan kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran mengikut mod pengajian yang tertentu (M. Noor fathoni et al., 2017). Selain daripada program sijil, kini KK juga turut menawarkan Program Diploma bagi memberi peluang pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di samping membantu meningkatkan enrolmen pelajar.

Norma pengambilan program sepenuh masa bagi setiap KK berbeza bergantung kepada jumlah dan jenis program yang ditawarkan. Setiap tahun kebanyakan KK mengalami masalah enrolmen yang rendah dan tidak mencapai norma. Ini berlaku disebabkan beberapa faktor termasuklah jenis kursus yang ditawarkan, lokasi KK, dan ketiadaan kemudahan asrama dan lain-lain seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Faktor Pemilihan ke KK (Siti Nurul Mahfuzah, Intan Shazila, & Azlan, 2015)

(Sailin, 2006) menyatakan bahawa faktor utama yang mempengaruhi kemasukan pelajar ke IPT adalah kursus-kursus yang ditawarkan, bidang pengajian dan lokasi kampus yang turut menjadi penentu terhadap

kemasukan pelajar ini. Kajian mendapati juga bahawa faktor ibu bapa merupakan pendorong utama pemilihan ke Kolej Komuniti diikuti oleh faktor kerjaya, minat dan seterusnya faktor rakan sebaya (Mohd Ariffin, 2011). Menurut (Norhayati & Intan, 2014), faktor pemilihan Kolej Komuniti oleh pelajar banyak dipengaruhi oleh sekolah, rakan, program yang ditawarkan dan proses permohonan yang lebih mudah kerana boleh datang terus ke Kolej Komuniti. (Wagner & Fard, 2009) menyatakan bahawa kos pengajian, kandungan dan struktur program yang ditawarkan, aspek fizikal dan kemudahan, nilai pendidikan dan maklumat institut pengajian merupakan antara faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar ke institusi pengajian tinggi.

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah mengambil beberapa langkah proaktif dalam menangani permasalahan enrolmen yang rendah. Antaranya termasuklah memperkenalkan sistem pengambilan 3 kali setahun. Menurut (Siti Nurul Mahfuzah et al., 2015) penawaran kemasukan ke KK 3 kali setahun bukan sahaja menawarkan sistem pengajian yang lebih pantas kepada pelajar untuk menamatkan pengajian, ia juga dijalankan bagi meningkatkan enrolmen pelajar.

Walaubagaimanapun, masalah enrolmen rendah masih berlaku dikalangan KK saban tahun meskipun pendekatan pengambilan 3 kali setahun diperkenalkan sejak Julai 2013. Kajian yang lepas menunjukkan permasalahan pengambilan pelajar ini disokong oleh dapatan statistik pengambilan pelajar 2003-2012 yang tidak memberangsangkan dan kemasukan pelajar tidak mencapai tahap yang dikehendaki oleh pihak Jabatan Pengajian KK (Ahmad, Zarulrizam, & Nor A., 2013). Pertukaran kepada mod pengambilan 2 kali setahun iaitu Julai dan Disember telah menjadikan usaha untuk mencapai norma pelajar di KK menjadi semakin mencabar. Justeru satu pendekatan alternatif telah dicadangkan bagi membantu enrolmen pelajar iaitu *Full Time Equivalent Students* (FTES).

2.2 Full Time Equivalent Students (FTES)

Full Time Equivalent (FTE) merujuk kepada unit pengukuran persamaan individu (pekerja atau pelajar). Dalam kebanyakan kes, FTE digunakan untuk mengukur persamaan pekerja / pelajar atau beban kerja mereka ("Full Time Equivalent (FTE)," 2012). Bagi golongan pekerja, formula FTE banyak digunakan untuk menentukan beban kerja sepenuh masa dan menganggar keperluan pekerja sambilan (Sari, Hardiansa, & Suryoputro, 2018). Ini adalah penting bagi tujuan perakaunan dan penentuan gaji pekerja serta perbelanjaan syarikat.

Bagi golongan pelajar, *Full Time Equivalent Students* (FTES) digunakan untuk mengira beban kerja pelajar sepenuh masa dengan pelajar separuh masa dan ia juga boleh digunakan untuk mendapatkan persetaraan bilangan pelajar separuh masa terhadap enrolmen pelajar sepenuh masa ("Glossary of Statistical Terms," 2003; Sherman, 2018). Nilai setaraan ini boleh digunakan untuk tujuan membantu enrolmen di samping juga sesuai untuk permohonan reten perjawatan dan bajet tahunan (Urofsky, 2013; Suhairi et. al, 2014). Dalam satu kajian terhadap atlet di Amerika Syarikat, ia digunakan untuk tujuan mengira kos perbelanjaan atlet sambilan bagi menganggar peruntukan kewangan (Jones, Rudolph, & Brown, 2018).

FTES banyak digunakan dan diimplemen di negara barat contohnya di Amerika Syarikat. Menurut *Lane College Community Institution Research, Assessment and Planning*, FTES di Amerika Syarikat telah membantu dalam aspek pengiraan jumlah enrolmen pelajar disamping penentuan pemberian peruntukan kepada kolej komuniti mereka. Lane Community College menakrif pengiraan *full time equivalent* (FTE) sebagai seorang atau kombinasi beberapa pelajar yang menghadiri kelas bagi sesuatu program dengan minimum jam seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pendidikan Negeri. Di Oregon Community College pula, telah menetapkan bahawa satu FTE bersamaan dengan seorang atau sekumpulan pelajar yang menghadiri kelas dengan jumlah jam sebanyak 510 jam sepanjang tahun. Berbeza dengan California Community College yang menetapkan 525 jam pertemuan setahun bagi kursus ber kredit atau tidak ber kredit sebagai bersamaan dengan satu FTE. Di Florida Atlantic University Schools, pengiraan FTE diambil daripada jumlah jam kehadiran pelajar dalam sesuatu program. Misalnya satu FTE adalah bersamaan dengan seorang pelajar yang menghadiri 6 kelas kuliah dengan 50 minit setiap sesi pembelajaran selama 180 hari dalam tahun akademik.

2.3 Formula pengiraan FTES

Bagi melaksanakan FTES di Kolej Komuniti, kaedah pengiraan adalah seperti yang dinyatakan berikut:

$$FTES = \frac{\text{Jumlah Peserta Setahun} \times \text{Purata Jam Pertemuan}}{\text{Jumlah Jam Pertemuan Setahun}}$$

Formula pengiraan di atas diperolehi daripada pengiraan seperti berikut :

a. Purata Jam Pertemuan

$$\text{Purata Jam Pertemuan} = \frac{\text{Jumlah Jam Pertemuan Setahun}}{\text{Jumlah Kursus Dilaksanakan Setahun}}$$

b. Jumlah Jam Pertemuan Setahun

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Jam Pertemuan Setahun} &= \text{Jam Pertemuan Seminggu} \times \text{Jumlah Minggu Pertemuan Setahun} \\ &= b1 \times b2 \end{aligned}$$

b1. Jam Pertemuan Seminggu

$$\text{Jam Pertemuan Seminggu} = \frac{\text{Jumlah Jam Pertemuan Seminggu Semua Program}}{\text{Jumlah Program Yang Ditawarkan}}$$

b2. Jumlah Minggu Pertemuan Setahun

Jumlah Minggu Pertemuan Setahun (Mengambil kira Pengambilan sebanyak tiga (3) kali setahun)

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Minggu Pertemuan Setahun} &= 13 \text{ Minggu Pertemuan Persemester} \times 3 \text{ Kali Ambilan} \\ &= 39 \text{ Minggu Pertemuan Setahun} \end{aligned}$$

3.0 Metodologi

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana persetaraan pelaksanaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat dapat membantu meningkatkan enrolmen tahunan KKSL. Pendekatan kualitatif secara analisis dokumen telah digunakan didalam kajian ini dimana hanya berfokus kepada data berkaitan Kolej Komuniti Selandar sahaja. Data enrolmen

pelajar yang diperoleh dari Unit Pengambilan, KKSL dan data berkaitan Kursus PSH dari Unit PSH, KKSL bagi tahun 2017 dianalisa secara deskriptif menggunakan formula pengiraan FTES seperti yang dijelaskan dalam bahagian 2.3.

4.0 Dapatan dan perbincangan

Jadual 3 menunjukkan data berkaitan enrolmen pelajar sepenuh masa bagi tahun 2017 (Unit Pengambilan KKSL). Jumlah keseluruhan enrolmen pelajar sepenuh masa bagi tahun 2017 ialah seramai 267 pelajar meliputi empat (4) program yang ditawarkan iaitu Program Penyejukan dan Penyamanan Udara, Program Sistem Komputer dan Rangkaian, Program Landskap dan Nurseri dan juga Program Pengoperasian Perniagaan. Jumlah jam pertemuan seminggu diambil kira daripada purata jam pertemuan seminggu bagi semua 4 program yang dinyatakan tersebut. Jadual 3 menunjukkan data pelajar sepenuh masa bagi tahun 2017.

Jadual 3: Data pelajar sepenuh masa KKSL bagi tahun 2017

Perkara	Bilangan
Jumlah Enrolmen Keseluruhan	267
Jumlah Minggu Pertemuan Setahun (13 minggu x 3 ambilan)	39
Jumlah Jam Pertemuan Seminggu (Purata)	29

*Sumber : Unit Pengambilan Pelajar KKSL

Manakala Jadual 4 menunjukkan data berkaitan Kursus PSH KKSL bagi tahun 2017.

Jadual 4: Data Kursus PSH KKSL bagi tahun 2017

Perkara	Bilangan
Jumlah Kursus	185
Jumlah Jam Pertemuan	1125
Jumlah Peserta	4392

*Sumber : Sistem ePSH, KKSL (2017)

4.1 Pengiraan FTES

$$\begin{aligned}
 \text{Purata Jam Pertemuan} &= \frac{\text{Jumlah Jam Pertemuan Setahun}}{\text{Jumlah Kursus Dilaksanakan Setahun}} \\
 &= \frac{1125}{185} \\
 &= \mathbf{6.08}
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 &\text{Jumlah jam pertemuan setahun (kursus sepenuh masa di KKSL)} \\
 &= \text{Jam Pertemuan Seminggu} \times \text{Jumlah minggu pertemuan setahun} \\
 &= 29 \times 39 \\
 &= \mathbf{1131}
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 FTES &= \frac{\text{Jumlah Peserta Setahun} \times \text{Purata Jam Pertemuan}}{\text{Jumlah Jam Pertemuan Setahun}} \\
 &= \frac{4392 \times 6.08}{1131} \\
 &\approx \mathbf{24 \text{ org}}
 \end{aligned}$$

Hasil daripada pengiraan formula FTES, nilai persetaraan yang diperolehi ialah seramai 24 pelajar. Secara keseluruhannya, jumlah enrolmen pelajar selepas ditambah dengan nilai persetaraan diperolehi adalah seperti Jadual 5. Tanpa nilai persetaraan peserta PSH % enrolmen pelajar tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan (80%). Selepas menambah nilai persetaraan peserta PSH yang diperolehi % enrolmen pelajar dapat mencapai sasaran yang ditetapkan.

Berdasarkan kepada hasil kajian, didapati bahawa penggunaan FTES untuk peserta PSH sebagai persetaraan kepada pelajar sepenuh masa memberikan impak yang positif ke atas peratusan enrolmen pelajar di KKSL. Ini secara tidak langsung dilihat membantu pihak kolej untuk meningkatkan peratusan bagi mencapai norma pengambilan pelajar sepenuh masa yang telah ditetapkan oleh JPPKK. Jumlah peserta PSH, jumlah kursus dan jumlah jam pertemuan PSH memainkan peranan penting dalam mempengaruhi jumlah FTES yang diperolehi. Ini menjadikan unit PSH KKSL sama penting peranannya dengan Unit Pengambilan KKSL dalam memastikan KPI peratusan norma pelajar program sepenuh masa di KKSL tercapai.

Jadual 5: Jumlah Enrolmen, Peratusan Enrolmen dan FTES bagi Tahun 2017

Perkara	Bilangan	Peratus(%)
Jumlah Enrolmen Sepenuh Masa	267	74.17%
FTES	24	6.67%
Jumlah Enrolmen Keseluruhan	291	80.83%

*Sumber : Data Analisis Kajian

5.0 Kesimpulan dan cadangan

Berdasarkan kepada analisis data yang dilakukan, didapati nilai FTES yang diperolehi (FTES=24) telah berjaya membantu menaikkan enrolmen pelajar sepenuh masa KKSL. Peningkatan peratusan sebanyak 6.67% (Peratus FTES) menjadikan jumlah peratusan enrolmen pelajar pada Tahun 2017 meningkat kepada 80.83%. Peratusan ini dilihat memberi impak yang baik kerana ia mencapai sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah KPI yang ditetapkan oleh JPPKK. Melalui kajian ini, dapat dirumuskan bahawa penggunaan formula pengiraan FTES untuk peserta PSH dapat membantu meningkatkan enrolmen pelajar program sepenuh masa. Peningkatan ini sekaligus memberikan impak yang positif kepada pertambahan jumlah enrolmen tahunan pelajar sepenuh masa di KK. Dapatan ini juga disokong oleh kajian yang dijalankan oleh (Urofsky, 2013) dalam nilai setaraan yang diperolehi daripada rumus FTES boleh digunakan untuk tujuan membantu enrolmen pelajar.

Jika dilihat kepada formula yang digunakan, didapati jumlah peserta PSH, purata jam pertemuan PSH memainkan peranan penting kerana ia mempengaruhi nilai FTES yang akan diperolehi. Semakin tinggi jumlah peserta dan jumlah purata jam pertemuan, maka semakin besar nilai FTES yang akan diperolehi. Justeru ini memberi peluang kepada pengurusan KK untuk membuat perancangan dan pelaksanaan kursus PSH yang lebih sistematik bagi meningkatkan jumlah peserta PSH dan jam kursus PSH. Selain itu, KK juga boleh menambahbaik fasiliti kursus PSH di kolej masing-masing kerana ia juga sama pentingnya dengan kursus sepenuh masa dalam membantu mencapai enrolmen pelajar. Kursus-kursus PSH yang lebih menarik, terkini dan memenuhi keperluan masyarakat setempat boleh dikaji dan dijalankan secara lebih terancang bagi membantu meningkatkan peserta PSH. Pensyarah juga boleh dilatih dengan kemahiran sampingan yang berkaitan kursus PSH bagi mempelbagaikan kursus yang boleh ditawarkan kepada peserta, sekaligus dapat meningkatkan jumlah peserta PSH.

Sebagai cadangan untuk kajian akan datang, pengkaji akan melihat faktor-faktor yang boleh mempengaruhi peningkatan pelaksanaan kursus PSH di KK dari aspek jumlah peserta dan tempoh kursus. Selain itu, pengkaji juga ingin melihat aspek *utiliti facto* bagi penggunaan fasiliti kursus PSH di kolej bagi membantu pihak pengurusan menilai kepentingan penambahbaikan terhadap kemudahan kursus PSH yang disediakan di kolej komuniti. Kajian berkaitan trend pemilihan kursus dikalangan peserta juga boleh dilakukan bagi membantu pengurusan PSH mengenalpasti kursus-kursus yang boleh ditawarkan berdasarkan permintaan komuniti setempat khususnya dalam memastikan penawaran kursus sentiasa relevan dengan kehendak semasa masyarakat.

Rujukan

Ahmad, Z., Zarulrizam, A. J., & Nor A., C. . (2013). *Trend kemasukan pelajar ke KK Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia: satu analisa ke atas sebuah KK di negeri Melaka*. Penulisan Ilmiah Dan Karya Kreatif.

Full Time Equivalent (FTE). (2012). Retrieved from https://web.archive.org/web/20120928112059/http://epp.eurostat.ec.europa.eu/statistics_explained/index.php/Glossary:Full-time_equivalent

Glossary of Statistical Terms. (2003). Retrieved from <https://stats.oecd.org/glossary/detail.asp?ID=5369>

Jasli, M. F., & Siti, Z. I. (2014). Keupayaan dan kemampuan kolej komuniti seluruh malaysia dalam menawarkan sijil modular kebangsaan secara berterusan. *Jurnal Pembelajaran Sepanjang Hayat*, 134–146.

Jones, W. A., Rudolph, M. J., & Brown, M. (2018). A growth curve analysis of mandatory student athletics fees. *Journal of Intercollegiate Sport*, 11(2), 172–192.

Lane College Community Institution Research, Assessment & Planning. How FTE Calculated. Retrieved from <https://www.lancc.edu/research/ir/lane-enrollment-and-headcount.24>

M. Noor Fathoni, M. G., Shaliza Amira, S., & Sharifah Nadiyah, R. (2017). *Implikasi pelaksanaan pengambilan tiga kali setahun di kolej komuniti Selandar, Melaka*. Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat. Kolej Komuniti Jelebu.

Mohamad, S.N.M, Irman, F.K & Haslizawati, J. (2012). Cabaran pensyarah kolej komuniti terhadap pelaksanaan pengambilan pelajar tiga kali setahun.

Mohd Ariffin, A. (2011). *Faktor-faktor yang menentukan pemilihan pelajar mengikuti kursus di Kolej Komuniti di negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.

Norhayati, O., & Intan, J. A. S. (2014). *Pengaruh pemilihan pengajian ke KK dan cadangan promosi*. Conference Competition Exhibition.

Sailin, R. (2006). *Persepsi pelajar terhadap peranan publisiti dan promosi pendidikan dalam mempengaruhi kemasukan ke IPTS bumiputera*. Universiti Putra Malaysia.

Sari, A. D., Hardiansa, F., & Suryoputro, M. R. (2018). *Workload assessment on foundry SME to enhance productivity using full time equivalent*. MATEC Web of Conferences. 154, 1-5.

Shaliza Amira, S. (2017). *keberkesanan terhadap pelaksanaan pengambilan tiga kali setahun di Kolej Komuniti Selandar, Melaka*. National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (ICompEx'17).

Sherman, F. (2018). *What does fte mean in academic budget?* Retrieved from <https://careertrend.com/facts-7387514-fte-mean-academic-budget-.html>

Siti Nurul Mahfuzah, M., Intan Shazila, S., & Azlan, M. (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi tren kemasukan pelajar ke Kolej Komuniti. *Prosiding Persidangan Pendidikan (Penyelidikan Dan Inovasi) Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional 2015*.

Suhairi Ismail et. al (2014). *Kertas cadangan annual fulltime students (annual ftes) di Kolej Komuniti*. (Tidak diterbitkan).

Teresa Scott (2017). *Community Colleges finance*. Retrieved from https://www.yosemite.edu/fiscalservices/budget_files/cc_finance/CC%20Finance%20Handbook%202017.pdf.

Urofsky, R. I. (2013). *A reasoned approach to fte faculty*. Retrieved from Council for Accreditation of Counseling and Related Educational Programs website: <https://www.cacrep.org/articles/a-reasoned-approach-to-fte-faculty/>

Wagner, K., & Fard, P. (2009). *Factors influencing malaysian students' intention to study at a higher educational institution*.